


KERTAS 1

Kertas soalan ini mengandungi 50 soalan. Jawab semua soalan. Rajah yang mengiringi masalah dalam kertas soalan ini dimaksudkan untuk memberi maklumat yang berguna bagi menyelesaikan masalah. Rajah tidak semestinya dilukis mengikut skala.

1.



RAJAH 1

Tulis nilai yang diwakili oleh dekad dalam Rajah 1.

- | | |
|------------------|------------------|
| A 531 243 | C 631 523 |
| B 631 253 | D 635 132 |

2. 278 520, x , 280 520, 281 520, 282 520

Apakah nilai x ?

- | | |
|------------------|------------------|
| A 279 520 | C 275 290 |
| B 275 920 | D 272 590 |

3. Sembilan ratus empat puluh ribu tujuh =

- | | |
|-----------------|------------------|
| A 94 007 | C 940 000 |
| B 94 070 | D 940 007 |

4. 431 762 dalam perkataan ialah

- A** empat ratus tiga puluh satu ribu tujuh ratus enam puluh dua
- B** empat ratus ribu tiga puluh satu ribu tujuh ratus enam puluh dua
- C** empat ratus tiga puluh satu tujuh ribu enam puluh dua
- D** empat ratus tiga puluh tujuh ribu enam puluh dua

5. Nyatakan nilai tempat bagi digit yang bergaris dalam nombor 867 056.

- | | |
|----------------|---------------------|
| A 6 000 | C 60 000 |
| B ribu | D puluh ribu |

6. 564 079 dicerakinkan menjadi

- A** 500 000 + 70 + 9 + 400 + 6 000
- B** 9 + 4 000 + 70 + 500 000 + 60 000
- C** 4 000 + 700 + 9 + 6 000 + 50 000
- D** 500 000 + 60 000 + 70 + 90 + 400

7. 342 721, 347 221, 347 122, 342 271, dan 342 217 dalam turutan menaik ialah


- A** 342 721, 347 122, 347 221, 342 271, 342 217
- B** 342 271, 342 721, 342 217, 347 122, 347 221
- C** 342 217, 342 271, 342 721, 347 122, 347 221
- D** 347 221, 347 122, 342 721, 342 271, 342 217

8. 83 975, 5 279, 8 375, 93 278

Dalam senarai nombor-nombor di atas, digit yang manakah mempunyai nilai yang sama?

- A 5 C 8
B 7 D 9

9.



RAJAH 2

Berdasarkan garis nombor dalam Rajah 2, apakah nilai P ?

- A 880 000 C 850 000
B 875 000 D 825 000

10. $897\,632 + 68\,745 =$

- A 967 637 C 966 737
B 967 367 D 966 377

11. Hasil tambah bagi tiga ratus ribu empat ratus dua puluh satu dengan tiga puluh satu ribu enam ratus ialah

- A 31 600 C 332 021
B 300 421 D 333 021

12. Antara yang berikut, hasil tambah yang manakah lebih daripada 536 762?

- A $452\,312 + 1\,569$ C $302\,863 + 42\,123$
B $435\,982 + 232\,474$ D $367\,231 + 34\,712$

13. Jumlah antara digit 6 dan digit 4 dalam nombor 567 432 ialah

- A 40 600 C 60 400
B 46 000 D 64 000

14. Cari hasil tambah 283 752, 1 476, dan 7 823. Kemudian bundarkan jawapannya kepada ratus yang terdekat.

- A 293 000 C 293 100
B 293 051 D 293 200

15. Tukiman mempunyai 437 672 keping setem. Tarmizi mempunyai 56 763 keping setem. Cari jumlah setem yang dipunyai oleh Tukiman dan Tarmizi.

- A 494 345 keping C 495 345 keping
B 494 435 keping D 495 643 keping

16.

| Buku cerita | Bilangan (buah) |
|-----------------|-----------------|
| Bahasa Cina | 32 742 |
| Bahasa Melayu | 82 899 |
| Bahasa Inggeris | 63 869 |

JADUAL 1

Jadual 1 menunjukkan bilangan buku cerita yang terdapat di dalam sebuah perpustakaan. Cari jumlah buku cerita yang terdapat di dalam perpustakaan itu.

- A 179 150 buah C 197 150 buah
 B 179 510 buah D 197 510 buah

17.



RAJAH 3

Cari hasil tambah bagi nilai x dan nilai y dalam Rajah 3.

- A 151 725 C 105 257
 B 115 752 D 102 557

18. $83\,763 + 147\,652 + 6\,897 + 1\,462 =$

- A 293 774 C 237 974
 B 239 774 D 237 794

19. $347\,650 - 29\,999 =$

- A 379 764 C 371 561
 B 377 649 D 317 651

20. $847\,653 - \boxed{x} = 275\,329$

Apakah nilai x ?

- A 753 422 C 573 224
 B 752 432 D 572 324

21. Beza antara 830 000 dan 399 292 ialah

- A 430 708 C 437 080
 B 437 008 D 437 800

22.

$$\begin{array}{r}
 9\ 8\ 7\ 5\ 4\ 0 \\
 - \boxed{x}\ 3\ \boxed{y}\ 1\ 2\ 0 \\
 \hline
 3\ 4\ 8\ 4\ 2\ 0
 \end{array}$$

Cari beza antara digit x dan digit y .

- A 3 C 30 000
 B 300 D 300 000

33. Pak Mat ingin memasukkan 282 600 biji manggis ke dalam 50 guni. Berapa biji manggiskah dalam satu guni?
- | | |
|---------|---------|
| A 5 526 | C 5 625 |
| B 5 562 | D 5 652 |
34. $486\,200 \div \square = 24\,310$
Apakah nilai dalam petak kosong?
- | | |
|------|-------|
| A 10 | C 100 |
| B 20 | D 200 |
35. Antara nombor yang berikut, yang manakah mempunyai baki jika dibahagi dengan 32?
- | | |
|-----------|-----------|
| A 395 392 | C 395 520 |
| B 395 456 | D 395 554 |
36. $867\,560 \div 40 = P$
 P terletak di antara nilai
- | | |
|---------------------|---------------------|
| A 20 000 dan 21 000 | C 21 000 dan 22 000 |
| B 19 000 dan 20 000 | D 22 000 dan 23 000 |
37. Antara berikut, yang manakah **tidak** benar?
- | | |
|-------------------------------------|--------------------------------------|
| A $47\,250 \div 12 = 3\,937$ baki 6 | C $75\,627 \div 16 = 4\,726$ baki 11 |
| B $83\,246 \div 14 = 5\,946$ baki 2 | D $68\,760 \div 18 = 3\,820$ baki 3 |
38. Jika sebuah kotak dapat mengisi 2 500 biji manik, maka 96 buah kotak yang sama dapat mengisi berapa biji manik?
- | | |
|-----------|-----------|
| A 240 000 | C 420 000 |
| B 250 000 | D 430 000 |
39. Antara berikut, yang manakah mempunyai nilai yang sama dengan $4\,750 \times 24$?
- | | |
|----------------------|----------------------|
| A $2\,375 \times 38$ | C $8\,670 \times 12$ |
| B $9\,500 \times 12$ | D $4\,650 \times 24$ |
40. Darabkan 87 562 dengan 8. Kemudian bundarkan jawapannya kepada ribu yang terdekat.
- | | |
|-----------|-----------|
| A 704 000 | C 700 000 |
| B 702 000 | D 680 000 |
41. Warung Pak Kassim dapat menjual 125 bungkus nasi lemak dalam sehari. Berapa bungkus nasi lemak yang dapat dijual oleh Pak Kassim dalam bulan Oktober, November, dan Disember?
- | | |
|----------|----------|
| A 15 100 | C 15 001 |
| B 15 010 | D 11 500 |
42. $327 \times 100 \times 0 =$
- | | |
|----------|-------|
| A 23 700 | C 237 |
| B 3 270 | D 0 |
43. Kebun Mak Fatin mempunyai 29 batas pokok jagung. Jika setiap batas itu mempunyai 2 800 pokok jagung, berapakah jumlah pokok jagung di kebun Mak Fatin?
- | | |
|----------|----------|
| A 82 100 | C 81 200 |
| B 81 210 | D 81 020 |

44. $81\,920 - 7\,823 + 3\,271 =$

A 77 836

B 77 386

C 77 380

D 77 368

45. $756\,820 + 3\,276 - 48\,000 =$

A 702 196

B 702 961

C 710 296

D 712 096

46. $3\,627 \times 36 \div 4 =$

A 32 346

B 32 364

C 32 634

D 32 643

47. $86\,700 \div 1\,000 \times 10 =$

A 0

B 8.67

C 86.7

D 867

48. Marissa suka mengumpul tudung botol. Sekarang dia ada 26 750 tudung botol. Kemudian kakak memberinya 37 500 tudung botol lagi. Jika Marissa telah membawa 50 500 tudung botol untuk dikitar semula, berapakah tudung botol yang ada pada dia sekarang?

A 64 250

B 46 250

C 31 750

D 13 750

49. Sempena musim perayaan, 834 750 keping kad raya telah dicetak. Kemudian kad-kad raya itu diedarkan kepada 7 pusat pengedarnya di seluruh negara. Berapa keping kad rayakah yang diedarkan ke setiap pusat pengedarnya?

A 59 625

B 59 652

C 119 250

D 655 875

50. Jika $468\,960 \div 30 = R$, maka $R \times 9 =$

A 140 688

B 106 848

C 106 488


D 104 688

KERTAS 2

Kertas soalan ini mengandungi 30 soalan. Jawab semua soalan. Rajah yang mengiringi masalah dalam kertas soalan ini dimaksudkan untuk memberi maklumat yang berguna bagi menyelesaikan masalah. Rajah tidak semestinya dilukis mengikut skala.

1. Lapan ratus sembilan puluh tujuh ribu lima ratus tiga ditulis dalam perkataan ialah

2.



RAJAH 1

Tulis nilai yang diwakili oleh dekad dalam Rajah 1 dalam perkataan.

3. Guna digit-digit 5, 0, 3, 7, 6, dan 9 untuk membentuk nombor yang
4. Bundarkan 837 569 kepada (a) ratus terdekat, dan (b) ribu terdekat.
5. Apakah nilai tempat dan nilai digit bagi digit 9 dalam nombor 98 764?
6. $147\,320 + 23\,680 + 47 =$

7.



RAJAH 2

Berapakah hasil tambah bagi nilai P dan nilai Q dalam Rajah 2. Kemudian bundarkan kepada ribu yang terdekat.

8. Dalam sebuah stadium, semasa pertandingan bola sepak, terdapat 8 872 orang penonton lelaki dan 3 827 orang penonton perempuan serta 582 orang penonton kanak-kanak. Cari jumlah penonton dalam stadium tersebut.

9.

| Daerah | Penduduk |
|--------|----------|
| A | 13 756 |
| B | 32 742 |
| C | 13 959 |

JADUAL 1

Jadual 1 menunjukkan bilangan penduduk di tiga buah daerah, A, B, dan C. Hitung jumlah penduduk daripada ketiga-tiga buah daerah tersebut.

10.

| Bulan | September | Oktober | November | Disember |
|---------------|-----------|---------|----------|----------|
| Kuantiti (kg) | 14 276 | 15 439 | 16 842 | 27 562 |

JADUAL 2

Jadual 2 menunjukkan permintaan terhadap buah kurma dalam empat bulan berturut-turut. Cari jumlah permintaan buah kurma, dalam kg, dalam keempat-empat bulan tersebut.

11. Bentukkan nombor terbesar dan terkecil daripada digit-digit 3, 4, 0, 9, 8, dan 2. Kemudian cari beza antara kedua-dua nombor tersebut.

12.

$$\begin{array}{r}
 4\ 9\ 6\ 8\ 3\ 7 \\
 - \boxed{R}\ 3\ 3\ 0\ \boxed{S}\ 5 \\
 \hline
 1\ 6\ 3\ 7\ 4\ 2
 \end{array}$$

Cari beza antara nilai digit R dan nilai digit S.

13. Bilangan penduduk bandar A ialah 476 896 orang, iaitu 86 755 orang lebih ramai daripada bilangan penduduk bandar B. Berapakah bilangan penduduk yang terdapat di bandar B?


14. Sebuah kilang percetakan dapat menghasilkan 12 500 buah buku dalam masa sejam. Selepas tiga jam, berapa buah bukukah yang perlu dicetak lagi untuk mendapatkan hasil cetakan sebanyak 500 000 buah buku?

15. 60 puluh ribu tolak 47 ribu sama dengan

16. 8 kali 53 260 ialah

17. $38\,674 \times \boxed{A} = 773\,480$
Apakah nilai bagi A?

18.



RAJAH 3

Berapakah hasil darab antara nombor dalam dekak yang ditunjukkan dalam Rajah 3?

19. Sebuah restoran makanan segera dapat menjual 2 347 ketul ayam goreng dalam sehari. Berapa ketul ayam gorengkah yang dapat dijual oleh restoran tersebut pada bulan November?

20. Sehelai *cheongsam* memerlukan tiga pasang butang berbunga. Jika satu ribu dozen *cheongsam* akan dijahit, berapa biji butang berbungakah yang diperlukan?

21. $847\,552 \div 16 =$

22. Cari baki bagi $584\,762 \div 15$.

23. Bentukkan nombor terkecil daripada digit-digit berikut:

5, 8, 0, 2, 4, 3

Kemudian bahagikan dengan 2.

24. Mata yang dikumpulkan dengan penggunaan kad kredit dapat ditukar dengan barangan tertentu. Sekiranya Encik Tan mempunyai jumlah mata sebanyak 868 880, berapa buah kamera digitalkah yang dapat ditukar olehnya jika penukaran terhadap sebuah kamera digital memerlukan 72 400 mata? Berapakah baki mata Encik Tan selepas penukaran itu?

25. Sebuah lori dapat mengangkut 250 buah bateri kereta. Jika 950 000 buah bateri perlu diedarkan, berapa buah lorikah yang diperlukan untuk mengangkut bateri tersebut?

26. $864\,756 - 32\,762 + 167\,320 =$

27. $832\,428 \div 36 \times 14 =$

28. Taman perumahan Sungai Mas mempunyai 56 272 orang penduduk. Sekiranya 32 620 orang daripadanya adalah lelaki dan 5 269 orang adalah kanak-kanak, berapa orangkah penduduk perempuan yang tinggal di taman tersebut?
29. Jika 986 000 batang pen dapat dimuatkan ke dalam 200 buah kotak secara sama banyak, berapa batang penkah terdapat di dalam 22 buah kotak yang sama?
30. $\square + 47\,560 - 2\,764 = 600 \times 10\,000 \div 10$